



sukan bukan sekadar riadah

Oleh Alias Ismail

APABILA sebahagian daripada ahli masyarakat, sama ada pelajar, belia, ibu bapa, kakitangan kerajaan, kakitangan swasta, ataupun orang awam, ditanya tentang prospek bidang sukan di negara ini, rata-rata mereka memberikan jawapan yang cukup meyakinkan. Yang amat menggembirakan penulis, mereka percaya bahawa pada masa ini, sukan tidak lagi boleh dilihat sebagai kegiatan riadah sebagaimana yang berlaku pada tahun 1970-an dan 1980-an.

Dengan perkataan yang lain, mereka percaya bahawa bidang sukan mampu menjanjikan pulangan yang lumayan. Hal itu dapat dicapai sekiranya sukan diceburi secara serius. Impian itu bukanlah perkara yang tidak mampu

direalisasikan, sebagaimana yang dibuktikan empat orang atlet paralimpik negara yang pulang dari Rio de Janeiro dengan tiga pingat emas dan satu pingat gangsa.

Keempat-empat orang atlet itu sangat menakjubkan. Sebelum ini, hanya sebahagian kecil daripada ahli masyarakat yang mengenali Mohamad Ridzuan Mohamad Puzi, Muhammad Ziyad Zolkefli, Abdul Latif Romly, dan Siti Noor Radiah Ismail. Mereka tidak dilihat sebagaimana masyarakat umum melihat Datuk Lee Chong Wei dan beberapa nama besar lain yang kita miliki dalam bidang sukan negara kita.

Dalam kekerdilan tersebut, ketiga-tiga orang atlet lelaki paralimpik kita itu mendapat habuan yang bernilai minimum RM1 juta. Walaupun Siti



Noor Radiah Ismail memperoleh ganjaran yang lebih rendah, hasilnya sangat lumayan, malahan tidak pernah dibayangkannya selama ini. Kejayaan keempat-empat orang atlet itu sepatutnya membuka mata kita dengan lebih luas bahawa setiap lapisan masyarakat, sama ada yang sempurna ataupun yang berkelainan upaya, mempunyai ruang yang luas untuk mengubah nasib masing-masing melalui penglibatan yang serius, bijaksana, tabah, berpandangan jauh, dan istiqamah dalam bidang sukan. Maka, bagaimana kita mahu mencipta gelombang kesedaran tersebut secara meluas, terutama sekali kepada generasi baharu?

Penulis teringat akan mesej yang diterima daripada rakan penulis dan kenalan berkaitan dengan perkara ini, termasuklah Awang Abdullah dari Dungun. Beliau, yang merupakan bekas guru dan penulis kreatif terkenal di negara kita, meminta penulis meneruskan perjuangan menghasilkan karya kreatif yang mengangkat tema perjuangan memajukan bidang sukan.

Hal itu diakuri penulis. Sehingga kini, enam daripada 35 buah buku penulis, sama ada yang dihasilkan secara

Buku, terutama karya kreatif, yang mampu mencetuskan semangat murid perlu dibawa ke sekolah melalui pelbagai cara yang munasabah sama ada secara wajib ataupun secara sampingan.

persendirian ataupun bersama-sama penulis lain, mempunyai tema yang selaras dengan kerangka cadangan Awang. Tiga daripada buku berkenaan ialah novel *Mewarna Bulan* dan *Di Sini Langkah Bermula*, terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) dan *Priiiiit!*, terbitan Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd. (UP&D). Tiga buah buku lagi yang berkaitan dengan bidang sukan ialah kumpulan cerpen berjudul *Ralat* dan *Selipar* terbitan Institut Terjemahan dan Buku Malaysia serta *Kaca di Lantai* terbitan DBP.

Buku kreatif yang ada kaitan dengan dunia sukan negara sebenarnya juga ditulis oleh beberapa orang penulis lain, seperti *Dari Padang Hijau* karya Zailliani Taslim dan novel *Justeru Impian di Jaring Zaid Akhtar*. Kedua-dua novel ini diterbitkan oleh UP&D dan memenangi hadiah sayembara anjuran Kumpulan Utusan pada dekad yang berbeza. Langkah baiknya jika buku yang memperkatakan denyut nadi dunia sukan ini dibawa ke sekolah dalam pelbagai program oleh pihak yang mempunyai autoriti dan berpengaruh. Kebaikannya banyak. Satu daripadanya, murid sama ada di sekolah rendah ataupun di sekolah menengah dapat membina cita-cita dan mereka mempunyai inspirasi yang relevan untuk mencapai impian menjadi atlet ternama peringkat dunia suatu hari nanti.

Berkaitan dengan perkara ini, penulis teringat akan mesej melalui mel elektrnik yang diterima daripada bekas Presiden Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan (KPPK/ NUTP), Anuar Ibrahim. Katanya, buku, terutama karya kreatif, yang mampu mencetuskan semangat murid perlu



dibawa ke sekolah melalui pelbagai cara yang munasabah sama ada secara wajib ataupun secara sampingan.

Dengan cara itu, katanya, akan muncul lebih banyak individu daripada generasi baharu yang memasang impian menjadi pemain bola sepak sehebat Namat Abdullah, Mokhtar Dahari, Santokh Singh, Soh Chin Aun, Bakri Ibrni, Shukor Salleh, dan R. Arumugam; atlet badminton yang bertaraf legenda seperti Eddy Chong, Wong Peng Soon, Datuk Misbun Sidek dan Rashid Sidek, serta Razif dan Jailani Sidek; dan atlet pelbagai bidang sukan masa ini yang cemerlang seperti Datuk Lee Chong Wei, Datul Nicol Ann David, Azizulhasni Awang, Faizal Shaari, Firti Shaari, dan Pandalela Rinong.

Kisah membawa lebih banyak buku kreatif ke sekolah sebenarnya pernah penulis bincang dengan ahli akademik yang juga penulis kreatif terkenal tanah air iaitu Rahman Shaari. Katanya, kerajaan telah pun memulakan inisiatif ini dengan memperkenalkan Komponen Sastera dalam Pengajaran Bahasa (Komsas). Langkah itu sangat terpuji, katanya.

Namun begitu, beliau sangat bersetuju agar usaha tersebut dipelbagaikan dan ruang baharu ke arah itu sangat dialu-alukan. Beliau juga tidak menolak bahawa kemajuan sukan negara dapat ditingkatkan dengan cara ini.

Pandangan tersebut menarik, namun timbul pertanyaan pula iaitu adakah karya itu menjadikan murid di sekolah rendah dan sekolah menengah lebih "sibuk" dalam keadaan mereka perlu menumpukan perhatian kepada buku teks yang berkaitan secara langsung dengan peperiksaan? Jawapan penulis mudah, iaitu kita perlu berani melakukan anjakan. Bagi penulis, untuk menjadi bangsa yang besar dan unggul di mata dunia, peperiksaan bukanlah satu-satunya laluan yang perlu kita fikirkan. Satu daripada laluan lain itu ialah tidak lain daripada inti tulisan yang baharu anda baca sebentar tadi! ds

